Beli hartanah UDA, menang rumah dan ganjaran menarik

Oleh SABRINA ZULKIFLI
sabrina.zulkifli@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pembeli hartanah UDA Holdings Berhad (UDA) berpeluang memenangi sebuah unit kediaman Residensi Dedaun di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras bernilai RM508,000 menerusi kempen pemilikan rumah nasional, Bonanza Memenuhi Impian 2026.

Kempen berskala nasional yang berlangsung sehingga 31 Disember 2026 itu menawarkan pelbagai ganjaran menarik kepada pembeli hartanah terpilih di bawah agensi seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) berkenaan.

Inisiatif ini merupakan kesinambungan serta penambahbaikan daripada kempen UDA Own A Home, Drive Your Dreams yang diperkukuh bagi memberi peluang kepada orang ramai memiliki kediaman sambil menikmati ganjaran istimewa.

Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Berhad, Datuk Sri Ahmad Fuaad Kenali berkata, kempen berkenaan dilancarkan bagi menyokong aspirasi pemilikan hartanah negara selaras dengan usaha membangunkan komuniti yang inklusif serta mampan.

"UDA akan terus membangunkan hartanah yang memenuhi keperluan masyarakat daripada pelbagai latar belakang.



MOHD Annuar Zaini (tengah) ketika gimik pada majlis pelancaran Kempen Bonanza Memenuhi Impian 2026 di ibu pejabat UDA Holdings Berhad, Kuala Lumpur. – UTUSAN/SYAKIR RADIN

"Menerusi kempen ini, pembeli berpeluang menikmati ganjaran istimewa apabila memiliki hartanah kediaman atau komersial UDA yang bersesuaian dengan keperluan mereka di pelbagai lokasi di seluruh negara," katanya semasa majlis pelancaran kempen berkenaan di sini semalam.

Majlis pelancaran kempen berkenaan disempurnakan oleh Pengerusi UDA Holdings Berhad, Tan Sri Mohd Annuar Zaini.

Sebanyak 21 projek pembangunan kediaman dan komersial UDA di seluruh Malaysia terlibat dalam kempen ini merangkumi pelbagai variasi lokasi, julat harga dan gaya hidup.

Pembangunan yang mengambil bahagian di Lembah Klang termasuk Residensi Dedaun, Residensi 38 Bangsar dan Residensi Akasia Raya.

Bagi wilayah Utara dan Pantai Timur, Amaanee Residences dan Eight & Eight Condominium di Pulau Pinang, Mawar @ Taman Sultan Sallehuddin (Kedah), Taman Sena Permai (Perlis), serta Pelindung Heights dan Sena @ KTGR (Pantai Timur).